



UCAPAN PERASMIAN

**MAJLIS AKU JANJI ZERO POTHOLES DAN MAJLIS
PENYERAHAN SIJIL KONTRAKTOR PENYIAP
OLEH
MENTERI KANAN KERJA RAYA
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF**

3 JULAI 2020 (JUMAAT)

10:30 PAGI

**BILIK TANJONG, TINGKAT 6, BLOK A,
KEMENTERIAN KERJA RAYA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50582 KUALA LUMPUR**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Salam Sejahtera dan Selamat Pagi,

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan rasa syukur dan setinggi –tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur majlis kerana telah mengundang saya untuk menyempurnakan dua majlis bersekali iaitu Majlis Aku Janji Zero Potholes dan Majlis Penyerahan Sijil Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya Siri Ketiga pada hari ini.

2. Acap kali kita melihat dan mendengar pembangunan infrastruktur dijadikan sebagai salah satu kayu pengukur kepada kedudukan kekukuhan sesebuah negara. Dalam hal ini, tahap pembangunan infrastruktur Malaysia tidak terkecuali dalam mendapat sorotan yang berterusan dan tertumpu kepada pembangunan rangkaian jalan raya, lebuhraya, jambatan, hospital, sekolah dan prasarana lain.

3. Kedua-dua majlis pada hari ini amat signifikan dengan visi KKR sebagai peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara. Ia juga bagi melengkapkan misi KKR untuk memastikan pembangunan infrastruktur dilaksanakan dengan cekap, berkualiti dan lestari bagi menjamin industri pembinaan negara yang lebih berdaya saing di peringkat global.

4. Aku Janji Zero Potholes ini merupakan inisiatif Kementerian bersama Jabatan Kerja Raya dan Syarikat Konsesi untuk memperkukuhkan komitmen KKR terhadap penyampaian perkhidmatan penyenggaraan jalan

raya di negara ini. Ia selaras dengan salah satu Teras 2 Kementerian, iaitu Penyenggaraan Infrastruktur Jalan yang cekap dan berkesan supaya dapat digunakan secara optimum.

5. Penyerahan Sijil Kontraktor Penyiap pula adalah amat penting bagi memastikan pengurusan projek sakit dapat dilaksanakan dengan baik. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan 4.5 bertujuan memaklumkan penambahbaikan tatacara pengurusan projek sakit kerajaan. Antara isi pekeliling ini juga adalah berkenaan keperluan Kementerian Kerja Raya (KKR) mewujudkan pangkalan data Kontraktor Penyiap bagi tujuan pelawaan perolehan oleh semua Agensi Kerajaan kepada kontraktor yang ingin melaksanakan projek sakit kerajaan yang telah ditamatkan kontrak.

AKU JANJI ZERO POTHOLES

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Kementerian melalui Kontrak Penswastaaan Penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia telah diberikan amanah besar untuk menyelenggara aset jalan negara. Amanah ini perlu digalas sepenuhnya dengan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan mengikut spesifikasi seperti yang terkandung dalam kontrak agar aset jalan raya sentiasa berada dalam keadaan optimum dan selamat kepada pengguna.

7. KKR mengambil serius isu berkaitan keselamatan pengguna jalan raya. Aku Janji Zero Potholes ini diharap dapat mengubah persepsi masyarakat

bahawa kita mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik bersesuaian dengan kehendak masyarakat. Perubahan persepsi ini secara tidak langsung mampu membina keyakinan rakyat kepada Kerajaan dan kredibiliti perkhidmatan awam, khususnya KKR dan agensi.

8. Aku Janji Zero Potholes yang berlangsung pada hari ini adalah kerjasama di antara Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya dan enam (6) Syarikat Konsesi bagi Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan. Dasar penswastaaan mula diguna pakai oleh Kerajaan pada 1980-an lagi bertujuan memantapkan sistem pengurusan aset Kerajaan. Bagi KKR, pemantapan sistem pengurusan aset Kerajaan telah dilaksanakan dalam pelbagai bidang projek penyenggaraan termasuk penyenggaraan jalan oleh Syarikat Konsesi. Melalui “strategic partneship” ini Syarikat Konsesi penyenggaraan dapat bersama-sama menaikkan nama baik dan imej Kerajaan dengan memberi perkhidmatan terbaik.

9. Kementerian Kerja Raya selaku Kementerian yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penyenggaraan jalan raya di Malaysia perlu memastikan aset negara yang begitu berharga ini sentiasa berada pada tahap perkhidmatan yang memuaskan. Untuk makluman hadirin sekalian, Kementerian Kerja Raya bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyenggara sejumlah 17,878.559 kilometer Jalan Persekutuan di seluruh negara melalui Perjanjian Penswastaaan bersama Syarikat Konsesi.

10. Pengurusan aset tidak hanya melibatkan pihak Syarikat Konsesi sahaja tetapi Syarikat Utiliti juga tidak terkecuali. Syarikat Utiliti juga adalah penyumbang kepada kerosakan jalan dan jalan berlubang. Selain itu pihak

stakeholders yang terdiri daripada agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, NGO dan penggiat industri, malah sebagai rakyat dan pengguna jalan raya juga turut mempunyai peranan bersama dalam memantau keadaan jalanraya. Oleh yang demikian penglibatan semua pihak adalah penting dalam menghasilkan perkhidmatan berkualiti dengan kos yang optimum.

11. Kesemua warga JKR di Negeri dan Daerah serta Rakan KKR yang merupakan rakan strategik KKR dan agensi juga disarankan untuk menjadi mata dan telinga kerajaan untuk memantau kerosakan Potholes dan melaporkannya agar kerja-kerja pembaikan dapat dilaksanakan segera melalui saluran aduan KKR dan juga agensi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Kementerian yakin kejayaan Program Zero Potholes ini dapat dicapai dengan pengauditan dan pemantauan yang ketat oleh jurutera yang dilantik. Melalui Jabatan Kerja Raya (JKR), pemantauan dan pengauditan di peringkat Jurutera Daerah akan memperkuatkan unit pengurusan auditnya untuk memeriksa sama ada syarikat konsesi telah mengambil semua tindakan yang diperlukan. Malahan JKR Negeri dan Daerah juga amat proaktif membuat rondaan secara jabatan bagi memastikan keadaan jalanraya berada dalam keadaan baik.

13. Saya difahamkan Aku Janji Zero Potholes di peringkat JKR Negeri telah diadakan sebelum ini dan majlis hari ini merupakan Aku Janji di peringkat kebangsaan. Penglibatan dari semua pihak terutamanya KKR,

JKR dan Syarikat Konsesi melalui Program Aku Janji Zero Potholes diperingkat Negeri diharap mampu memberi impak terbaik terhadap komitmen untuk memberikan perkhidmatan penyenggaraan aset jalan yang bertaraf dunia kepada pengguna jalan raya.

KONTRAKTOR PENYIAP

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Adalah menjadi amanah utama pihak JKR dalam membuat perancangan dan pemilihan Kontraktor berkelayakan bagi pelaksanaan sesebuah projek kerajaan. Sungguhpun begitu, pelaksanaan sesebuah projek kadangkala menghadapi masalah juga atas faktor-faktor yang tidak dapat dikawal oleh JKR sehinggalah projek tersebut dikategorikan sebagai projek sakit. Sekiranya kontraktor yang mempunyai projek sakit ini masih tidak dapat mencapai prestasi kemajuan projek yang telah dipersetujui, penamatan kontrak akan dilaksanakan.

15. Kesemua kontraktor yang memohon untuk disenaraikan sebagai Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya akan melalui tiga (3) peringkat saringan yang ketat di mana kontraktor akan melalui saringan daripada segi teknikal oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan (CKUB, JKR), tapisan oleh 24 Kementerian, tapisan oleh Jabatan Insolvensi dan akhir sekali adalah tapisan oleh pihak SPRM. Sekiranya kontraktor gagal dalam mana-mana tapisan yang disebutkan, kontraktor tersebut akan hilang kelayakan untuk menyertai senarai Kontraktor Penyiap.

16. Sehubungan itu, suka saya maklumkan bahawa Jawatankuasa Saringan Kontraktor Penyiap (JSKP) Kementerian Kerja Raya telah selesai membuat saringan kepada semua kontraktor yang memohon disenaraikan sebagai Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya Siri 3. Daripada 588 permohonan yang diterima, sebanyak 285 syarikat telah terpilih untuk disenaraikan sebagai Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya Siri Ke-3.

17. Saya melihat ini adalah satu perkembangan positif di mana datangnya kesedaran dalam kalangan kontraktor di Malaysia untuk menyertai senarai Kontraktor Penyiap dan mengharungi semua proses saringan yang saya lihat sebagai sangat ketat dan menyeluruh. Sehubungan itu, terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada semua kontraktor yang telah memohon untuk menyertai senarai Kontraktor Penyiap ini sama ada anda berjaya ataupun tidak. Komitmen ini menunjukkan kesungguhan pihak kontraktor dalam menyumbang kepada penyelesaian projek-projek sakit di Malaysia yang sekaligus akan memberikan manfaat kepada rakyat secara langsung.

PENUTUP

18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya juga ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada kesemua penerima Sijil Kontraktor Penyiap. Bagi pihak yang terlibat dalam Aku Janji Zero Potholes pula, saya amat berharap amanah ini dapat direalisasikan dan pelaksanaannya dilakukan dengan baik. Ini amat penting bagi memastikan perkhidmatan penyenggaraan aset jalan dan keadaan jalan raya berada dalam keadaan selamat dan bertaraf dunia.

19. Saya ingin menyeru seluruh warga KKR dan agensi, kesemua konsesi dan juga kontraktor yang terlibat dalam projek KKR untuk bersama-sama terus memberikan perkhidmatan terbaik secara professional dan berintegriti tinggi.

20. Akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua urusetia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalmualaikum warahmatullahi wabarakatuh